

**PERATURAN PEMARKAHAN
PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2022**

**BAHASA MELAYU
Kertas 2
1103/2**

MARKAH PENUH : 100 MARKAH**BAHAGIAN A: SISTEM DAN APLIKASI BAHASA**

Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada

Soalan 1 : **8** markah

Soalan 2 : **6** markah

Soalan 3 : **11** markah

Soalan 4 : **6** markah

Soalan 5 : **4** markah

Perhatian kepada Soalan 1

1. Berikan 1 markah bagi setiap kata adjektif yang betul.
2. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul dan gramatis dengan menggunakan kata adjektif tersebut.
3. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda baca dengan betul.
4. Sekiranya beberapa kata yang diuji telah digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat sahaja.
5. Kata yang diuji salah tetapi ayat yang dibina betul, berikan 0 markah.
6. Calon menyalin / meniru keseluruhan ayat daripada petikan atau mana-mana bahagian dalam keseluruhan kertas soalan, berikan 0 markah.
7. Perkataan digunakan sebagai kata nama khas atau peribahasa, berikan 0 markah.
8. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, berikan 0 markah.
9. Maksud ayat tidak jelas, berikan 0 markah.
10. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan / jalan bahasa / tanda baca daripada keseluruhan jawapan.

Soalan 1 – Morfologi**i. kritikal**

1. *menunjukkan atau mungkin menimbulkan krisis, boleh atau mungkin menerbitkan kegentingan*; 2. *bersifat mengkritik, mengandungi kritikan (terhadap sesuatu atau seseorang)*:

ii. pantas

1. *cepat, kencang, lekas: ia menarik nafas dgn ~ dan kuat; langkahnya ~ dan pendek-pendek*; 2. *cekap, cekatan, mahir, tangkas: kepantasan 1. kecepatan, kelajuan; 2. kecekapan, ketangkasan*:

iii. baharu

1. *membaiki (melakukan sesuatu, mengubah, dll) supaya sesuatu itu menjadi baharu: jalan itu sudah dibaharui*; 2. *mengulangi lagi*; 3. *memulakan sesuatu semula: rakyat membuka kampung utk ~ hidup masing-masing*; 4. *menggantikan atau menukarkan (sesuatu) dgn yg baru atau yg mempunyai tempoh kuat kuasa dsb yg baru*:

iv. tepat

1. *betul (arahnya, tujuannya), lurus: 2. tidak menyimpang drpd sasarannya (tujuannya), kena benar: 3. tidak kurang dan tidak lebih (waktu dll), tidak berselisih sedikit pun, betul-betul*; 4. *tidak bersalahan lagi (dugaan, ramalan), betul, cocok: ramalannya memang ~ sekali*; 5. *sesuai dan patut (peraturan, kritikan, dll), jitu: tindakan yg ~ hendaklah diambil terhadap mereka yg tidak mematuhi disiplin bekerja*; 6. *kena benar (jawaban, perkataan, dll)*,

v. palsu

1. *tidak benar (tulen), lancung, tiruan: 2. tidak sungguh-sungguh, tidak lurus (jujur), curang*:

vi. hangat

1. *panas api (bukan panas matahari): air ~; besi ~*; 2. *terlebih timbangan drpd yg sebenarnya: timbangannya biar ~ jangan kurang*; 3. *meriah, seronok: ia mendapat sambutan ~*; 4. *tidak tenang atau tenteram, genting, tegang (suasana politik dll): kedudukan politik negara kembali ~; perdebatan yg ~*; 5. *masih baru lagi berlaku dsb (berita, peristiwa, dll), panas: berita yg ~; buku yg masih ~*; 6. *berapi-api,*

[Maksimum : 8 markah]

Soalan 2 – Sintaksis**Menukar ayat susunan biasa kepada ayat susunan songsang**

- i. **Malaysia terkenal dengan sektor pertanian sekitar awal abad ke-21.**
- Terkenal dengan sektor pertanian sekitar awal abad ke-21 Malaysia. 2
 - Terkenal dengan sektor pertanian Malaysia sekitar awal abad ke-21. 2
 - Sekitar awal abad ke-21 Malaysia terkenal dengan sektor pertanian. 2
- ii. **Pakar ekonomi mengaitkan krisis bekalan makanan dengan tiga P, iaitu pandemik COVID-19, perubahan iklim dan perang konflik di Ukraine.**
- Mengaitkan krisis bekalan makanan dengan tiga P, iaitu pandemic COVID-19, perubahan iklim dan perang konflik di Ukraine pakar ekonomi. 2
 - Dengan tiga P, iaitu pandemik COVID-19, perubahan iklim dan perang konflik di Ukraine pakar ekonomi mengaitkan krisis bekalan makanan. 2
- iii. **Konflik di negara itu mengganggu aliran aktiviti eksport bekalan makanan negara.**
- Mengganggu aliran aktiviti eksport bekalan makanan negara konflik di negara itu. 2

[Maksimum : 6 markah]**Soalan 3 – Penyuntingan****Bahan 1**

- i. mahasiswa - graduan
- ii. cermelang - cemerlang
- iii. sekaligus - sekali gus
- iv. insentif - inisiatif
- v. kepada - bagi
- vi. menjalin - menjalinkan

[Maksimum : 6 markah]

Bahan 2

- i. menghapuskan - mengharamkan
- ii. atas - dalam
- iii. pandang - memandang
- iv. gulungan - golongan
- v. beberapa buah negara haramkan - diharamkan oleh beberapa buah negara

[Maksimum : 5 markah]

Panduan pemarkahan menukarkan Bahasa Melayu Klasik kepada Bahasa Melayu Standard bagi Soalan 4

Deskripsi	Markah
	6
- Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat gramatis	5 – 6
- Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat <i>masih</i> gramatis	4
- Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat <i>kurang</i> gramatis	3
- Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat gramatis	
- Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat <i>kurang</i> gramatis	2
- Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat tidak gramatis	1
- Ayat disalin bulat-bulat	0
- Isi tidak mengikut urutan	0

Soalan 4 – Bahasa Melayu Standard

Tidak lama kemudian hari pun malam. Kertala Sari pun menjadi dirinya yang sebenar; kemudian dia berjalan masuk ke dalam kota. Seterusnya dia/Kertala Sari masuk ke dalam rumah seorang saudagar yang kaya. Kertala Sari melihat saudagar itu sedang makan nasi bersama-sama isterinya. Kertala Sari pun masuk lalu makan bersama-sama saudagar itu. Setelah larut malam, saudagar itu pun tidur.

[Maksimum : 6 markah]

Soalan 5 – Peribahasa

- | | |
|--|---|
| i. Turun padang | 2 |
| ii. Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing / Ke bukit sama didaki, ke lurah sama dituruni | 2 |
| iii. Bumi mana yang tidak ditimpa hujan | 2 |
| iv. Sesat di hujung jalan, balik ke pangkal jalan | 2 |

[Maksimum : 4 markah]

BAHAGIAN B : PEMAHAMAN

Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada :

Soalan 6 : **12** markah

Soalan 7 : **13** markah

Soalan 8 : **10** markah

Perhatian bagi soalan 6, 7 dan 8

1. Jawapan hendaklah menggunakan ayat anda sendiri.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap / sempurna.
3. Jawapan bagi soalan 8 hendaklah berdasarkan mana-mana novel yang dipelajari.
4. Jika disalin bulat-bulat daripada teks dan jawapan itu betul, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

Panduan pemarkahan soalan pemahaman**1. Soalan 2 markah : Pemahaman berdasarkan teks**

DESKRIPSI	MARKAH
- Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup / ayat gramatis	2
- Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup / ayat tidak gramatis	1
- Jawapan kurang tepat / isi tidak cukup	
- Jawapan salah	0

2. Soalan 3 markah : Pemahaman berdasarkan teks dan unsur KBAT

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas / ayat gramatis	3
- Isi cukup / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas / ayat <i>kurang</i> gramatis	2
- Isi tidak cukup / menyentuh semua bahan / ayat gramatis	
- Isi tidak cukup / tidak menyentuh semua bahan	1
- Jawapan salah	0

3. Soalan 4 markah : Pemahaman unsur KBAT dan novel

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup (3 isi) / relevan dengan tugas / ayat gramatis	4
- Isi cukup (3 isi) / relevan dengan tugas / ayat <i>kurang</i> gramatis	3
- Isi tidak cukup (2 isi) / ayat gramatis	2
- Isi tidak cukup (2 isi) / ayat <i>kurang</i> gramatis	
- Isi tidak cukup (1 isi) / ayat gramatis	
- Isi tidak cukup (1 isi) / ayat <i>kurang</i> gramatis	1
- Jawapan salah	0

Soalan 6

- i. Berdasarkan **Bahan 1**, nyatakan maksud rangkai kata *mengundang trauma* ialah
- mengakibatkan / mendatangkan / menimbulkan ketakutan / tekanan 2
 - *mengundang* ketakutan / tekanan 1
 - mengakibatkan / mendatangkan / menimbulkan *trauma* 1
- ii. Merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, faktor yang menyebabkan berlakunya bencana alam seperti banjir kilat dan tanah runtuh ialah

Bahan 1

- P1 hujan yang lebat
 P2 kawasan pembangunan padat
 P3 sistem saliran yang tidak diselenggara dengan baik
 P4 masalah pencemaran longkang dan saliran

Bahan 2

- P1 penarahan kawasan bukit untuk pembinaan lebuhraya
 P2 aktiviti perlombongan
 P3 pembalakan haram

Nota : Jawapan calon mestilah berdasarkan semua bahan

**[Maksimum : 3 markah]
 [Isi cukup : 2 isi]**

iii. Persediaan-persediaan yang perlu dilakukan pihak berkuasa untuk menghadapi fenomena tersebut ialah

- P1 menyediakan pelan strategi untuk menghadapi masalah bencana alam
- P2 menyediakan Bilik Gerakan Bencana dengan kelengkapan yang cukup
- P3 mengkaji kawasan yang berisiko mengalami bencana alam
- P4 mengaktifkan sistem amaran bencana
- P5 mempersiapkan anggota penyelamat
- P6 memastikan bekalan makanan / ubatan / peralatan keselamatan mencukupi

[Maksimum : 3 markah]
[Isi cukup : 2 isi]

iv. Tindakan-tindakan yang boleh anda lakukan untuk membantunya mengatasi trauma yang dialami ialah

- P1 memberikan kata-kata semangat / nasihat
- P2 membawanya berjumpa kaunselor / pakar psikiatri
- P3 sentiasa berdampingan dengannya / bersama-sama dengannya
- P4 mengajaknya menghadiri majlis agama / membaca al-Quran / berzikir
- P5 membawanya bersiar-siar / beriadah / melancong / menonton filem

[Maksimum : 4 markah]
[Isi cukup : 3 isi]

Soalan 7

- i. Maksud rangkai kata *terjajah abadi*.
- tertakluk / tertindas / dikuasai selama-lamanya / kekal / sepanjang hayat 2
 - tertakluk / tertindas / dikuasai *abadi* 1
 - *terjajah* selama-lamanya / kekal / sepanjang hayat 1
- ii. Perubahan-perubahan yang perlu dilakukan dalam diri untuk mencapai kemerdekaan.

Bahan 1

- berusaha memajukan diri / meningkatkan potensi diri
- membuang rasa rendah diri

Bahan 2

- mendesak diri sendiri
- berjuang mengubah sikap

Nota : Jawapan calon mestilah berdasarkan semua bahan

**[Maksimum : 3 markah]
[Isi cukup : 2 isi]**

- iii. Kesan-kesan yang akan berlaku kepada negara sekiranya semangat patriotisme tidak dipupuk dalam kalangan masyarakat

P1 keamanan negara tergugat / konflik kemasyarakatan

P2 kestabilan ekonomi negara tidak dapat dikekalkan / kehilangan pelabur / pelabur tidak berminat menanam modal.

P3 hubungan baik / diplomatik antara negara luar terjejas.

P4 imej negara terjejas / pemimpin negara mendapat kecaman daripada badan antarabangsa@masyarakat antarabangsa.

P5 kedaulatan / kemerdekaan negara tergugat / mudah dijajah

**[Maksimum : 4 markah]
[Isi cukup : 3 isi]**

iv. Cara-cara menimbulkan kesedaran tentang pentingnya semangat cinta akan negara dalam diri rakan saya

P1 menasihati / memujuk

P2 mengajak rakan ke acara-acara yang dapat membangkitkan semangat patriotisme (Perarakan Hari Kebangsaan / Citrawarna Malaysia / Perarakan Hari Tentera / menonton filem patriotik / pertandingan kenegaraan)

P3 melancong bersama-sama rakan ke tempat yang mempunyai nilai sejarah.

P4 berkongsi info dengan rakan tentang pengorbanan tokoh nasionalis negara.

P5 mencari orang tengah / individu yang berpengaruh / individu yang disegani oleh rakan / ibu bapa / penjaga / saudara mara / guru / kaunselor / pempengaruh yang dikenali untuk memberi kesedaran kepada rakan.

[Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi]

Soalan 8

i. Tindakan-tindakan Nurul Hafsa dan Budiman apabila menemui Muhammad Taufik

- Budiman melaung cemas
- Budiman merangkul rakannya itu
- Nurul Hafsa segera menelefon ambulans
- Nurul Hafsa menanggalkan baju sejuk yang dipakainya
- Budiman menekan luka Muhammad Taufik.
- Menanyakan orang yang memperlakukan Muhammad Taufik sedemikian
- Budiman memberi kata-kata semangat kepada Muhammad Taufik

[Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi]

Panduan pemarkahan bagi soalan 8 (ii)**(ii) Jawapan soalan novel**

- (a) Jawapan berdasarkan sebuah novel yang dipelajari.
- (b) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
- (c) Beri 1 markah bagi setiap peristiwa yang betul.
- (d) Beri 1 markah bagi huraian yang sesuai.
- (e) Markah isi maksimum 4 markah (2 markah bagi setiap peristiwa huraian / contoh)
- (f) Markah bahasa maksimum 2 markah, diberi secara kesan menyeluruh.
 - Baik : 2 markah
 - Lemah : 1 markah
- (g) Jika calon menjawab dan markah isi kosong, beri 1 markah untuk bahasa.
- (h) Calon tidak menjawab 0 markah

[Maksimum : 6 markah]

- ii. Peristiwa yang menunjukkan sikap keberanian dalam kehidupan.

PANTAI KASIH karya Azmah Nordin

1. **Peristiwa Doktor Raiha berani mempersoalkan kegagalan Doktor Uwang dalam menjalankan pembedahan terhadap Unong Siron sehingga pesakit itu terpaksa dibedah sebanyak enam kali di tempat yang sama.**

Peristiwa ini menunjukkan keberanian menegur kesalahan orang lain.

2. **Peristiwa Dr. Raiha berani hadir ke mahkamah semata-mata mempertahankan dirinya daripada tuduhan Dr. Sadiz tentang kes kematian anaknya Rohayu. Raiha tidak gentar bersemuka dengan suaminya di mahkamah.**

Peristiwa ini menunjukkan keberanian mempertahankan kebenaran / menuntut hak.

3. **Peristiwa Doktor Raiha berani meneruskan pengajiannya sebagai pakar bedah walaupun cita-citanya itu ditentang hebat oleh bapanya.**

Peristiwa ini menunjukkan keberanian seseorang menyahut cabaran untuk mencapai cita-cita.

4. **Peristiwa Raiha berani meneruskan kandungannya walaupun ditentang oleh suaminya Doktor Sadiz apabila menyedari bentuk bayi dalam kandungan Raiha jelas lain daripada bayi lain yang normal.**

Peristiwa ini menunjukkan keberanian seseorang menempuh cabaran hidup.

BIMASAKTI MENARI karya Sri Rahayu Mohd Yusop

1. **Peristiwa Muhammad Taufik berani bersemuka dengan penjenayah di stesen PETRONAS untuk menyelamatkan Nurul Hafsa yang telah diculik oleh orang upahan Dato Johann Arlington-Majid.**

Peristiwa ini menunjukkan keberanian seseorang menyelamatkan orang lain.

2. **Peristiwa Nurul Hafsa berani melaporkan kejadian penculikan yang telah berlaku kepada dirinya demi menyelamatkan Muhammad Taufik. Dia telah membuat laporan polis dengan bantuan pemandu van sekolah yang ditahannya ketika dia berjalan seorang diri.**

Peristiwa ini menunjukkan keberanian membanteras jenayah.

3. **Peristiwa Nurul Hafsa berani dan bersedia untuk menguruskan masalah langit yang terlalu cerah pada malam lawatan kumpulan pengunjung kanak-kanak dari Jepun itu.**

Peristiwa ini menunjukkan keberanian seseorang menghadapi cabaran dalam pekerjaannya / tugasnya.

4. **Peristiwa Nurul Hafsa berani membuat pembentangan tentang pencemaran cahaya dan cuba menjelaskan kesannya terhadap keadaan langit dan populasi kelip-kelip di bilik mesyuarat, Pejabat Daerah Kuala Selangor.**

Peristiwa ini menunjukkan keberanian mengemukakan hujah di hadapan orang ramai.

BAHAGIAN C : RUMUSAN**[30 markah]****Soalan 9**Markah penuh **30** dibahagikan kepada :

- (a) Isi – **20 markah**
 (b) Bahasa – **10 markah**

(a) Isi [20 markah]**Nota :**

- (i) Panduan mengira perkataan
 Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan :
- nama khas
 - perkataan berganda
 - penggunaan kata sendi di dan ke
 - tarikh
 - angka yang ditulis dengan nombor dan perkataan
 - gelaran
 - penanda wacana
- (ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja sebelum diperiksa.
- (iii) Periksa jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja, yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.
- (iv) Berikan 2 markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.
- (v) Calon perlu mengambil sekurang-kurangnya 1 isi daripada setiap fokus dan daripada setiap bahan.
- (vi) Jumlah isi maksimum yang diterima daripada **semua fokus** dan **semua bahan** ialah 8 isi yang lengkap sahaja.

Bahagian	Bilangan Isi	Bilangan Isi Diterima	Markah Maksimum
(i) Pendahuluan			2
(ii) Isi Bahan 1			16
Fokus 1 (kelebihan / faedah)	3	3 3 3 2 2 2 2 1 1	
Fokus 2 (sebab / faktor)	4	3 2 1 4 3 2 2 4 3	
(iii) Isi Bahan 2			
Fokus 3 (usaha / langkah)	2	1 2 2 1 2 2 1 2 1	
(iv) Isi Bahan 3			
Fokus 1 (kelebihan / faedah)	3	1 1 2 1 1 2 3 1 3	
Jumlah Isi	12	8	
(v) Penutup / Kesimpulan			2
		Jumlah Markah	20

(b) Bahasa [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tidak bergantung kepada markah isi tetapi dinilai secara holistik.

PERINGKAT	MARKAH BAHASA	KRITERIA
Cemerlang	8 – 10 markah	<ul style="list-style-type: none"> • Kesenambungan ayat <i>sangat</i> baik • Bahasa <i>sangat</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan Rumi baharu • Penggunaan kosa kata luas dan tepat • Pengolahan <i>sangat</i> menarik dan berkesan
Baik	5 – 7 markah	<ul style="list-style-type: none"> • Kesenambungan ayat baik • Bahasa <i>masih</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan Rumi baharu • Penggunaan kosa kata <i>masih</i> luas dan tepat • Pengolahan <i>masih</i> menarik dan berkesan
Sederhana	3 – 4 markah	<ul style="list-style-type: none"> • Kesenambungan ayat <i>kurang</i> baik • Bahasa <i>kurang</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan Rumi baharu • Penggunaan kosa kata <i>kurang</i> luas dan tepat • Pengolahan <i>kurang</i> menarik dan berkesan
Lemah	1 – 2 markah	Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan / tidak memuaskan / kurang atau tidak difahami.

Nota :

- (i) Jika menjawab dalam bentuk poin / fakta, markah bahasa ialah pada peringkat lemah.
- (ii) Jika markah isi 6 dan ke atas, markah bahasa dinilai seperti biasa (rujuk jadual).
- (iii) Jika markah isi 5 dan ke bawah tetapi bahasa *sangat* baik, markah maksimum bahasa ialah 5 markah.
- (iv) Jika disalin **bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah perkataan kurang 120 patah perkataan, beri 0 markah bahasa.
- (v) Jika rumusan kurang daripada 120 patah perkataan, markah bahasa dinilai seperti biasa.

[Maksimum : 10 markah]

Pendahuluan [2 markah]

- P1 Rumusan membincangkan kebaikan / manfaat / faedah / kelebihan makan ulam- ulaman, sebab-sebab / faktor-faktor / punca-punca masyarakat kurang mengambil ulam-ulaman dan usaha-usaha / langkah-langkah / cara-cara menggalakkan masyarakat makan ulam-ulaman. 2
- P2 Rumusan membincangkan kebaikan / manfaat / faedah / kelebihan makan ulam-ulaman dan sebab-sebab / faktor-faktor / punca-punca masyarakat kurang mengambil ulam-ulaman 1
- P3 Rumusan membincangkan sebab-sebab / faktor-faktor / punca-punca masyarakat kurang mengambil ulam-ulaman dan usaha-usaha / langkah-langkah / cara-cara menggalakkan masyarakat makan ulam-ulaman 1
- P4 Rumusan membincangkan kebaikan / manfaat / faedah / kelebihan makan ulam-ulaman dan usaha-usaha / langkah-langkah / cara-cara menggalakkan masyarakat makan ulam-ulaman 1

Isi [16 markah]**Fokus 1 : kebaikan / manfaat / faedah / kelebihan makan ulam-ulaman****Bahan 1**

- A1 Ulam membekalkan fiber yang diperlukan dalam sistem penghadaman, merendahkan lemak dan kolesterol 2
- A2 sumber utama vitamin A, vitamin C, asid folik dan juga zat galian yang lain 2
- A3 dapat menyembuhkan pelbagai penyakit 2

Bahan 3

- B1 tidak perlu dimasak 2
- B2 boleh dijadikan kerabu 2
- B3 pembuka selera kala menjamah hidangan berat seperti nasi 2

Fokus 2 : sebab-sebab / faktor-faktor / punca-punca masyarakat kurang mengambil ulam-ulaman

Bahan 1

C1 kita hidup dalam zaman yang serba ringkas	2
C2 sering mencari jalan yang singkat untuk mendapatkan sesuatu dengan mudah	2
C3 Masyarakat kita masih lagi terbelenggu dengan kebanjiran makanan segera yang berada di pasaran kini	2
C4 masih belum mengetahui kebaikan ulam- ulaman	2

Fokus 3 : usaha-usaha / langkah-langkah / cara-cara menggalakkan masyarakat makan ulam-ulaman

Bahan 2

D1 penganjuran pameran ulam-ulaman	2
D2 pertandingan kuiz tentang ulam-ulaman	2

Kesimpulan [2 m]

K1 Kesimpulannya, pengambilan ulam-ulaman perlu dititikberatkan agar lahir generasi yang sihat.	2
K2 Kesimpulannya, pengambilan ulam-ulaman perlu dititikberatkan.	1
K3 Kesimpulannya, generasi sihat dapat dilahirkan.	0
K4 Kesimpulannya, kita perlu makan ulam-ulaman agar lahir generasi yang sihat.	0

(Kesimpulan lain boleh diterima sekiranya sesuai)

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT